

# TINJAUAN DAN ANALISIS KEWANGAN

## FINANCIAL OVERVIEW AND ANALYSIS

### PRESTASI KEWANGAN

#### Pendapatan Pelaburan Kasar

KWSP mencatatkan jumlah pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM35.00 bilion, meningkat 12.81% daripada RM31.02 bilion pada 2012. Keuntungan Modal atas Dagangan menyumbang sebanyak RM12.60 bilion naik RM4.89 bilion daripada RM7.71 bilion pada tahun sebelumnya. Prestasi yang memberangsangkan ini adalah disebabkan oleh indeks ekuiti global dan tempatan yang telah mencecah paras tertinggi sepanjang masa. Peningkatan juga disumbangkan oleh keyakinan pelabur terhadap kestabilan dan asas keteguhan ekonomi pasaran tempatan termasuk yang dipacu oleh kecairan pasaran di peringkat global. Daripada pertumbuhan ini, RM2.12 bilion dijana oleh pelaburan yang diuruskan secara dalaman, sementara baki RM2.77 bilion adalah daripada instrumen yang diuruskan oleh pengurus dana luar KWSP.

Dividen daripada pelaburan, yang diuruskan secara dalaman dan luaran mencatatkan pertumbuhan yang baik dari tahun ke tahun sebanyak RM1.46 bilion, atau 22.65% selaras dengan hasil yang dicatatkan oleh syarikat yang dilabur daripada mandat domestik dan global.

Pulangan daripada Faedah dan Keuntungan daripada Pinjaman, Pendahuluan dan instrumen Dipegang Sehingga Matang (HTM) menurun RM1.86 bilion, atau 14.71% daripada RM12.67 bilion pada tahun kewangan 2012 kepada RM10.80 bilion pada 2013. Sungguhpun pelaburan yang diuruskan secara luaran mencatatkan sedikit kenaikan, pelaburan yang diuruskan secara dalaman mencatatkan penurunan sebanyak RM1.87 bilion disebabkan oleh ketiadaan transaksi besar one-off termasuk penebusan awal pada 2012. KWSP juga mencatatkan penurunan kecil faedah pendapatan berjumlah RM3.45 bilion daripada Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan berbanding RM3.72 bilion pada 2012.

#### Lain - Lain Pendapatan

Lain-Lain Pendapatan meningkat sebanyak 58.51% kepada RM156.63 juta daripada RM98.81 juta pada 2012. Jumlah ini termasuk Dividen dan Faedah atas Caruman Terlewat Bayar oleh majikan berjumlah RM57.50 juta berbanding RM54.43 juta pada tahun sebelumnya iaitu 36.71% daripada jumlah Lain-Lain Pendapatan pada

### FINANCIAL RESULTS

#### Gross Investment Income

*The EPF achieved a total gross investment income of RM35.00 billion, marking a 12.81% increase from RM31.02 billion in 2012. Capital Gains from Trading contributed RM12.60 billion, up RM4.89 billion from RM7.71 billion in the previous year. The encouraging performance was due primarily to local and global equity indices reaching all-time highs. This, in turn, was attributable to investors' confidence in the stability and fundamental economic strength of the domestic market as well as market-driven liquidities globally. Of the growth, RM2.12 billion was generated by our internally managed investments, while the balance of RM2.77 billion was from our external fund managers.*

*As for Dividends From Investments, both internally and externally managed investments recorded a combined year-on-year growth of RM1.46 billion, or 22.65%, in line with better earnings recorded by the invested companies from both domestic and global mandates.*

*Returns from Interest and Profit from Loans, Advances and Held-To-Maturity instruments decreased by RM1.86 billion, or 14.71%, from RM12.67 billion in the financial year 2012 to RM10.80 billion in 2013. While externally managed investments recorded a marginal increase, internally managed investments saw a significant drop of RM1.87 billion due to the absence of significant one-off transactions as well as early redemptions in 2012. We also recorded a slightly lower income of RM3.45 billion from Interest on Loans, Advances and Financing, compared with RM3.72 billion in 2012.*

#### Other Income

*Other Income increased by 58.51% to RM156.63 million from RM98.81 million in 2012. This included Dividend and Interest from Contributions Paid Late by employers, which amounted to RM57.50 million, compared with RM54.43 million in the preceding year, forming 36.71% of the total Other Income in 2013. Apart from this, service fees of RM39.23 million collected from Fund Manager Institutions, which manage members'*

2013. Selain itu, yuran perkhidmatan sebanyak RM39.23 juta yang diperolehi daripada Institusi Pengurusan Dana yang menguruskan dana ahli di bawah Skim Pengeluaran Pelaburan Ahli menyumbang 25.05% daripada jumlah Lain-Lain Pendapatan pada 2013 meningkat RM6.13 juta, selaras dengan peningkatan jumlah dana yang dikeluarkan oleh ahli di bawah skim ini.

### **Perbelanjaan Operasi**

Pada 2013, Perbelanjaan Operasi KWSP berjumlah RM1,177.94 juta berbanding RM810.56 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Kenaikan 45.32% ini adalah disebabkan oleh kos kakitangan yang lebih tinggi dan peruntukan bayaran gratuiti kepada kakitangan yang akan bersara mulai 2013. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, belanja susut nilai dan caj pelunasan menurun 23.44% kepada RM82.34 juta berbanding RM107.55 juta pada tahun sebelumnya.

### **Gaji, Elaun, Kos Kakitangan dan Manfaat Pekerja**

Sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013, kos kakitangan meningkat sebanyak 71.46% kepada RM930.95 juta berbanding RM542.96 juta pada 2012, kesan daripada bayaran emolument dan elaun yang lebih tinggi sepanjang tahun tersebut selaras dengan sistem ganjaran yang baharu serta peruntukan gratuiti bagi pesara yang diiktiraf efektif 25 Mac 2013.

### **Susut Nilai Dan Caj Pelunasan**

Susut Nilai dan Caj Pelunasan termasuk susut nilai harta tanah, loji dan peralatan, pelaburan harta tanah termasuk pelunasan aset tak ketara dan prabayaran tanah milik pajak. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, susut nilai dan caj pelunasan menurun sebanyak 23.44% kepada RM82.34 juta berbanding dengan RM107.55 juta pada tahun sebelumnya. Perkara ini adalah disebabkan penyelesaian secara *one-off* Akaun Kerja Dalam Pembinaan terhadap projek yang telah disempurnakan berjumlah RM25.87 juta pada tahun sebelumnya.

### **Caj Berkanun**

Caj-Caj Berkanun terdiri daripada bayaran Bantuan Kematian dan Hilang Upaya kepada waris dan ahli masing-masing di bawah Seksyen 58(1) dan 58(2) termasuk Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3) Akta KWSP 1991 yang telah diiktiraf pada tahun tersebut.

*funds under the Members Investment Withdrawal Scheme, contributed 25.05% of Other Income in 2013, marking an increase of RM6.13 million, in line with the increase in funds withdrawn by members under this scheme.*

### **Operating Expenditure**

*In 2013, the EPF's Operating Expenditure amounted to RM1,177.94 million, compared with RM810.56 million in the preceding financial year. The 45.32% increase was primarily due to higher staff costs and provision for gratuity to staff upon retirement beginning in 2013. For the financial year ended 31 December 2013, depreciation and amortisation charges decreased by 23.44% to RM82.34 million, compared with RM107.55 million in the preceding year.*

### **Salaries, Allowances, Staff Costs and Employee Benefits**

*During the financial year ended 31 December 2013, staff costs increased by 71.46% to RM930.95 million, as compared with RM542.96 million in 2012, as a result of higher emolument and allowances paid during the year, in line with the new reward system and recognition of provision for gratuity for retirees computed effective 25 March 2013.*

### **Depreciation and Amortisation Charges**

*Depreciation and Amortisation Charges comprise depreciation on property, plant and equipment, investment properties as well as amortisation of intangible assets and prepaid land lease. For the financial year ended 31 December 2013, depreciation and amortisation charges decreased by 23.44% to RM82.34 million, compared with RM107.55 million in the preceding year. This was due to a one-off settlement of Work-In-Progress Account on completed projects amounting to RM25.87 million in the preceding year.*

### **Statutory Charges**

*Statutory Charges consist of payment of Death Benefits and Incapacitation Benefits to beneficiaries and members under Sections 58(1) and 58(2) respectively as well as Invocation Cost under Section 50(3) of the EPF Act, 1991, which was recognised during the year.*

# TINJAUAN DAN ANALISIS KEWANGAN

## FINANCIAL OVERVIEW AND ANALYSIS

### KEDUDUKAN KEWANGAN

#### Aset Pelaburan

Jumlah aset pelaburan meningkat sebanyak RM59.91 bilion, atau 11.37% daripada RM526.75 bilion setakat akhir 2012 kepada RM586.66 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan dalam Aset Kewangan Sedia Dijual (AFS) terutama dalam ekuiti. Sepanjang tahun yang diulas, dengan prestasi pasaran ekuiti yang kukuh, alokasi untuk ekuiti terus dipertingkatkan secara progresif dalam lingkungan had yang ditetapkan. Ia juga disokong oleh volum dagangan dan penambahbaikan dalam pelbagai pasaran menjadikan nilai aset AFS melonjak sebanyak RM62.22 bilion kepada RM269.86 bilion yang mewakili 46.00% daripada jumlah keseluruhan pelaburan.

Mengambil kira strategi KWSP untuk memastikan aliran keuntungan yang konsisten dalam konteks pendedahan berisiko rendah bagi pelaburan jangka panjang, Aset Dipegang Sehingga Matang (HTM) dan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan (instrumen berpendapatan tetap) masing-masing berbaki RM186.34 bilion (31.76%) dan RM80.39 bilion (13.70%). Pelaburan ini meningkat sebanyak RM6.90 bilion, atau 2.65% berbanding dengan tahun sebelumnya selaras dengan alokasi aset strategik KWSP.

Pada tahun 2013, pelaburan tambahan juga dibuat ke atas syarikat subsidiari dan bersekutu KWSP, selaras dengan peningkatan terhadap pendedahan dalam hartanah domestik dan global. Secara kumulatif, pegangan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu mencatat 5.58% daripada jumlah keseluruhan pelaburan, turun sedikit daripada 5.85% pada 2012.


### FINANCIAL POSITION

#### Investment Assets

Total investment assets grew by RM59.91 billion, or 11.37%, from RM526.75 billion as at end 2012 to RM586.66 billion. This growth was largely contributed by the increase in Available-For-Sale (AFS) financial assets, particularly in equities. During the year, on the back of stronger performance in the equity market, the allocation for equities was progressively raised within tolerable limits. Supported by encouraging trading volumes and improvements in various markets, the value of AFS assets jumped RM62.22 billion to RM269.86 billion, representing 46.00% of total investments.

On account of the EPF's strategy to seek a constant stream of revenue at low-risk exposure over a long-term investment horizon, assets in Held-To-Maturity (HTM) and Loans, Advances and Financing (fixed income instruments) stood at RM186.34 billion (31.76%) and RM80.39 billion (13.70%), respectively. These investments increased by RM6.90 billion, or 2.65%, compared with the previous year, in line with our strategic asset allocation.

In 2013, additional investments were also made into our subsidiaries and associate companies, in line with an increase in exposure in both domestic and global properties. Cumulatively, our holdings in both subsidiaries and associate companies corresponded to 5.58% of total investments, a slight decrease from 5.85% in 2012.



## TINJAUAN DAN ANALISIS KEWANGAN FINANCIAL OVERVIEW AND ANALYSIS

### **Liabiliti**

Jumlah liabiliti meningkat sebanyak 16.39% kepada RM4.37 bilion daripada RM3.75 bilion pada 2012, terutamanya disebabkan oleh peningkatan akruan terhadap pembelian instrumen pelaburan pada hujung tahun yang mana pembayaran akan dibuat pada bulan berikutnya.

### **Pemiutang dan Liabiliti Terakru**

Pada akhir Disember 2013, pemiutang dan liabiliti terakru KWSP berjumlah RM3.49 bilion naik sebanyak 8.27% berbanding tahun kewangan sebelumnya. KWSP mencatatkan peningkatan pemiutang pada 2013, terutama disebabkan oleh peningkatan terhadap pembelian ekuiti global pada akhir tahun.

### **Caruman**

Caruman terkumpul adalah sebanyak RM538.63 bilion pada 31 Disember 2013, naik 10.09% atau RM49.35 bilion, daripada baki penutup berjumlah RM489.28 bilion pada 2012. Simpanan terkumpul ahli dalam Akaun Caruman seperti yang ditunjukkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan meningkat berikutan caruman majikan melebihi jumlah keseluruhan pengeluaran yang dibayar kepada ahli dan waris yang menghasilkan aliran tunai bersih yang konsisten sepanjang tahun.

### **Kutipan Caruman Pada Tahun Semasa**

Pada 2013, sejumlah RM50.58 bilion dikutip daripada majikan, berbanding RM46.18 bilion pada tahun sebelumnya. Ini menyaksikan peningkatan sebanyak RM4.40 bilion, atau 9.53% yang konsisten dengan kenaikan gaji serta peningkatan jumlah ahli aktif. Secara purata, kira-kira RM4.22 bilion telah dikutip setiap bulan pada 2013.

### **Pengeluaran dan Pengembalian Caruman Tahun Semasa**

Jumlah keseluruhan pengeluaran dan pengembalian pada tahun 2013 berjumlah RM35.47 bilion berbanding RM33.10 bilion pada tahun sebelumnya. Jumlah ini menunjukkan peningkatan RM2.37 bilion, atau 7.14%. Maklumat lanjut mengenai pengeluaran ditunjukkan di ruangan Statistik dalam Laporan Tahunan ini. Secara purata, kira-kira RM2.96 bilion dibayar kepada ahli dan waris setiap bulan pada tahun semasa.

### **Liabilities**

*Total liabilities grew by 16.39% to RM4.37 billion from RM3.75 billion in 2012, primarily due to higher accruals on the purchase of investment instruments at close to year end, for which settlements were made the following month.*

### **Payables and Accrued Liabilities**

*At the end of December 2013, the EPF's payables and accrued liabilities of RM3.49 billion was up 8.27%, compared with the preceding financial year end. The EPF recorded higher payables in 2013, mainly due to higher purchases of global equities close to year end.*

### **Contributions**

*Cumulative contributions stood at RM538.63 billion as at 31 December 2013, indicating a growth of 10.09%, or RM49.35 billion, from the closing balance of RM489.28 billion in 2012. Members' cumulative savings in the Contribution Account, as reflected in the Statement of Financial Position, grew as employers' contributions exceeded the total paid in withdrawals to members and beneficiaries, resulting in a consistent net cash inflow throughout the year.*

### **Collection During the Year**

*In 2013, a total of RM50.58 billion was collected from employers, as opposed to RM46.18 billion in the preceding year. This represented an increase of RM4.40 billion, or 9.53%, consistent with higher wages as well as growth in the number of active members. On average, approximately RM4.22 billion was collected per month in 2013.*

### **Withdrawals and Refunds During the Year**

*Total withdrawals and refunds in 2013 amounted to RM35.47 billion, compared with RM33.10 billion in the previous year. This reflected an increase of RM2.37 billion, or 7.14%. Details of withdrawals are provided in the Statistics section of this Annual Report. On average, approximately RM2.96 billion was paid to members and beneficiaries per month in the current year.*

## TINJAUAN DAN ANALISIS KEWANGAN

### FINANCIAL OVERVIEW AND ANALYSIS

#### **Lain-Lain Dana**

Lain-lain dana berjumlah RM54.82 bilion pada 31 Disember 2013, yang terdiri daripada RM1.58 bilion pada Lebihan Terkumpul (rizab yang boleh diagih) dan RM53.24 bilion dalam Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual (AFS) (rizab yang tidak boleh diagih). Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM11.82 bilion, atau 27.48% daripada Lain-Lain Dana berjumlah RM43.00 bilion pada 2012 selaras dengan pertumbuhan positif Rizab AFS setakat 31 Disember 2013.

#### **Other Members' Fund**

*Other Members' Fund stood at RM54.82 billion as at 31 December 2013, comprising RM1.58 billion in Accumulated Surplus (distributable reserves) and RM53.24 billion in Available-For-Sale (AFS) Financial Asset Reserves (non-distributable reserves). This marked an increase of RM11.82 billion, or 27.48%, from the Other Members' Fund of RM43.00 billion in 2012, in line with positive growth of AFS Reserves as at 31 December 2013.*